

20 NOV 2002

Adnan-Kejutan

TENGGU ADNAN ANGGAP PELANTIKAN SATU KEJUTAN

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor menganggap pelantikannya ke jawatan menteri sebagai satu kejutan.

Semasa ditemui di ruang legar Parlimen hari ini, beliau berkata kenaikan pangkat yang diumumkan oleh pejabat Perdana Menteri semalam adalah "sesuatu yang diluar jangkaan."

Tengku Adnan bagaimanapun mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di atas perlantikan itu dan berjanji akan melaksanakan tugas baru dengan penuh tanggungjawab.

Selain Tengku Adnan dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pejabat itu turut mengumumkan pelantikan anggota Parlimen Rompin Datuk Dr Jamaluddin Jarjis sebagai Menteri Kewangan II dan Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin sebagai Timbalan Menteri Penerangan.

"Saya tidak menyangka akan dinaikkan pangkat tetapi dengan tanggungjawab baru ini saya akan terus mengambil sikap lebih mesra rakyat yang memerlukan bimbingan sepertimana yang dilakukan oleh barisan Umno sekarang ini," kata Tengku Adnan.

Tengku Adnan, 51, yang juga Setiausaha Kerja Umno dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan merupakan seorang usahawan sebelum menceburi bidang politik pada tahun 1984 apabila dilantik sebagai Ketua Umno cawangan Kampung Bakti, dalam bahagian Seputeh.

Sementara itu, pada permulaan persidangan Dewan Negara hari ini, Yang di-Pertua Tan Sri Michael Chen mengucapkan tahniah kepada kesemua mereka yang baru dilantik.

Para senator yang membahaskan Bajet 2003 turut mengucapkan ucapan tahniah kepada mereka.

-- BERNAMA

ZMN HK MOZ